

BULETIN

PUSAT SUKAN UNIVERSITI



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

EDISI 03 : MEI - JUN 2024



PERLAWANAN PERSAHABATAN ANTARA PASUKAN BOLA KERANJANG UTHM DAN KELAB BOLA KERANJANG GOSTRONG

SUBANG JAYA | 2 Mei 2024 | Pasukan Bola Keranjang UTHM telah menerima jemputan perlawanan persahabatan bersama Kelab Bola Keranjang GoStrong pada 23 April 2024 bertempat di Summit USJ Hoops Station, USJ Selangor.

Pasukan Bola Keranjang UTHM yang diketuai oleh penyelaras pasukan, Ts. Dr. Shahrin Hisham bin Amirnordin (FKMP) sedang dalam persiapan bagi menghadapi Karnival Sukan MASUM Fasa 2, 2024 bertempat di Universiti Malaya (UM) tidak lama lagi. Jemputan ini juga dilengkapi dengan sesi perkongsian ilmu yang disampaikan oleh Encik Muhammad Izzat Nasruddin, penaung GoStrong Basketball Academy.

Pusat Sukan Universiti dan GoStrong Basketball Academy telah menandatangani Letter Of Intent (LOI) pada Disember 2023 dan giat bekerjasama dalam memastikan prestasi sukan bola keranjang UTHM ke arah yang lebih tinggi.

ARIF ROSLAN SEDIA GALAS TANGGUNGJAWAB MEWAKILI MALAYSIA KE KEJOHANAN (MASTHAI) EDISI KE 14



UTHM | 5 Mei 2024 | Tahniah diucapkan kepada Sdr. Muhammad Arif bin Roslan daripada Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV) kerana telah terpilih mewakili Malaysia ke Kejohanan Malaysia-Thailand (MASTHAI) Edisi ke 14 yang akan berlangsung pada 5 hingga 10 Mei 2024 di Phuket Rajabhat University (PKRU). Selamat maju jaya diucapkan kepada atlet dan semoga beraksi cemerlang dalam kejohanan yang disertai.

PERTANDINGAN KABADDI INTERVARSITI "ASURAN CHAMPIONSHIP 2.0"

UPM | 4 Mei 2024 | Pasukan Kabaddi UTHM telah menyertai Pertandingan Kabaddi Intervarsiti "Asuran Championship 2.0" Universiti Putra Malaysia (UPM) 2024 pada 04 Mei 2024 bertempat di Dewan Putra Dua, UPM.

Pasukan Kabaddi Lelaki telah berjaya menjulang piala kejohanan sebagai Johan bagi kejohanan kali ini. Manakala Pasukan Kabaddi Perempuan UTHM pula telah menamatkan saingan di peringkat kumpulan.

Selain itu, Saudara Navin a/l Kannan telah dipilih sebagai Pemain Terbaik. Kejayaan ini merupakan kejuaraan kali ke-10 bagi Pasukan Kabaddi Lelaki UTHM dalam sepanjang menyertai kejohanan Kabaddi Intervarsiti. Tahniah diucapkan!



MAJLIS PENYERAHAN BENDERA KONTINJEN KARNIVAL SUKAN MASUM FASA 2 2024

UTHM | 5 Mei 2024 | Telah berlangsungnya Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen Karnival Sukan MASUM Fasa 2 2024 bertempat di Lobi Perpustakaan Tunku Tun Aminah. Majlis telah dirasmikan oleh YBrs. Sr. Dr. Anuar bin Mohd Salleh, Menjalankan Tugas Pengarah Pusat Sukan Universiti, UTHM. Kontinjen UTHM akan menghantar sebanyak 6 pasukan iaitu Bola Jaring, Boling Padang, Ragbi, Tenis, Sofbol Lelaki dan Karate. Bersama-sama kita kekal teguh, menyatukan tenaga dan semangat untuk meraih kejayaan gemilang. Mari tunjukkan kebolehan dan semangat pemenang dalam setiap cabaran yang menanti



KEJOHANAN RAGBI PRA SUKMA AOR' S7

Kedah | 7 Mei 2024 | Kejohanan Ragbi PRA SUKMA AOR' S7 Kedah Darul Aman bertempat di Padang Ragbi Stadium Sultan Abdul Halim Kedah telah diadakan pada 27-28 April 2024 yang dimana 4 orang pelajar UTHM bermain bersama skuad Ragbi Wanita Pahang telah mendapat Johan Kategori Bowl. Pelajar berkenaan adalah :

1. NOOR AYU MAISARA BINTI A RAHMAN @ ABDUL RAHMAN (PPD)
2. KHADIJAH BINTI MOHAMAD ALI (PPD)
3. AZHRINAZ BINTI DARWIS (PPD)
4. NUR ALEEYA BINTI ROSMANI (PPD)



MIRZA ADLI JALANI LATIHAN KAYAK BERSAMA PASUKAN MALAYSIA DI HUNGARY

TISZAFÜRED, HUNGARY | 9 Mei 2024 | Atlet kayak UTHM, Saudara Mirza Adli bin Shaharaziz (PPD) sedang menjalani latihan intensif selama sebulan di Tiszafüred, Hungary. Kem incentif anjuran Persatuan Kanu Malaysia (MASCA) ini melibat 9 orang atlet kebangsaan sebagai persiapan ke kejohanan South East Asia Canoe Championship, Vietnam 2024 dan SEA Games Thailand 2025. Semoga berjaya!



KEPUTUSAN BERBASIKAL MAKSAK MALAYSIA 2024



KANGAR, PERLIS | 10-12 Mei 2024 | Tahniah diucapkan kepada En Mohd Bahtiar Mohd Basri (FKAAB) yang mewakili MAKSAK Johor, telah mendapat tempat ke 5 Acara Team Time Trial (Lelaki Terbuka + Lelaki Veteran + Wanita Terbuka) sekaligus telah memperbaiki kedudukan tahan lepas tempat ke 7.

Kejohanan Berbasikal MAKSAK Malaysia telah diadakan pada 10 hingga 12 Mei 2024 di Kangar, Perlis



TEAM MAKSAK JOHOR
LTT Lelaki Open - No 2
LTT Wanita Open - No 1
UTT Lelaki Veteran No - 12
TTT (Lelaki Open + Lelaki Veteran + Wanita Open) - No 5
CRIT Wanita Open - No 1
CRIT Lelaki Veteran - No 13
CRIT Lelaki Open - No 11

KEJOHANAN OLAHRAGA MAKSAK JOHOR 2024

UTM, SKUDAI | 17 Mei 2024 | Tahniah diucapkan kepada Pasukan Olahraga Staf UTHM yang menyertai Kejohanan Olahraga MAKSAK Johor 2024 bertempat di Stadium Azman Hashim, UTM Skudai, Johor pada 17 Mei 2024.

Pasukan Olahraga Staf UTHM telah menghantar seramai 11 orang atlet dan 1 orang pengurus ke kejohanan ini dan berjaya merangkul 6 pingat emas, 3 pingat perak dan 2 pingat gangsa. Kejohanan ini merupakan salah satu persediaan pasukan Olahraga Staf UTHM bagi menghadapi SUKUM 2024 yang akan berlangsung pada Ogos 2024 di UMS, Sabah. Tahniah sekali lagi diucapkan buat pasukan Olahraga Staf UTHM.

- Pingat Emas

1. Ts. Dr. Mahyuzie bin Jenal (FKEE)- Lempar Cakera Lelaki (JV)
2. Ismahani binti Shamsudin (PTM) - Lempar Cakera Wanita (JV)
3. PM. Ir. Ts. Dr. Tan Lai Wai (FKAAB) - 100 Meter (SV)
4. Noradzuana binti Samiran (Unit Audit Dalam) - 1500 Meter Wanita (JV)
5. Suhailah binti Muhammad Philip (PHEP) - Lontar Peluru Wanita (SV)
6. Suhailah binti Muhammad Philip (PHEP) - Lempar Cakera Wanita (SV)

- Pingat Perak

1. Siti Haslinda binti Ahmad (Bahagian Keselamatan) - 200 Meter Wanita (JV)
2. Ts. Dr. Mahyuzie bin Jenal (FKEE) - Lontar Peluru Lelaki (JV)
3. Ismahani binti Shamsudin (PTM) - Lontar Peluru Wanita (JV)

- Pingat Gangsa

1. Siti Haslinda binti Ahmad (Bahagian Keselamatan) - 100 Meter Wanita (JV)
2. Dr. Chua King Lee (FKEE) - 100 Meter Wanita (SV)

JV = Junior Veteran

SV = Senior Veteran



KEJOHANAN KABADDI INTERVARSITI “MALAYA TIGERS CHAMPIONSHIP” UNIVERSITI MALAYA 2024

UTHM | 17 Mei 2024 | Tahniah diucapkan kepada Pasukan Kabaddi UTHM atas pencapaian yang membanggakan di Kejohanan Kabaddi Intervarsiti “Malaya Tigers Championship” Universiti Malaya 2024 bertempat di Dewan Peperiksaan 1, Universiti Malaya. Pasukan Kabaddi Lelaki UTHM sekali lagi berjaya merangkul kejuaraan dan ia merupakan kejuaraan kali ke 11 sepanjang berlangsungnya kejohanan kabaddi intervarsiti. Pasukan Kabaddi Perempuan UTHM pula telah berjaya menduduki tempat ke-3. Selain itu, dua atlet UTHM telah dipilih sebagai :

Best Player:

- Navin A/L Kannan (FKMP)

Best Defender:

- Muralitarian A/L Suresh (FKAAB)

Tahniah diucapkan sekali lagi dan semoga kejayaan ini dapat dikekalkan untuk kejohanan akan datang.



ATLET FRISBEE UTHM BERAKSI DI JERMAN

BIELEFELD, JERMAN | 4-5 Mei 2024 | Atlet Frisbee UTHM, Saudara Davson Howel Lim (FKMP) telah mendapat jemputan beraksi bersama pasukan Murmeltier Ultimate di Pudding Cup 2024 Frisbee Tournament Open yang berlangsung pada 4 hingga 5 Mei 2024 bertempat di Bielefeld, Jerman.

Pasukan Murmeltier Ultimate telah berjaya menamatkan saingan di tempat ke 5 dari 12 pasukan yang menyertai kejohanan ini. Tahniah diucapkan kepada Saudara Davson.



KEPUTUSAN LIGA SUPER FUTSAL IPT FASA

UPSI, TANJUNG MALIM | 20-24 Mei 2024 |
Pasukan Futsal Lelaki UTHM meneruskan kempen Fasa 2 Liga Super Futsal IPT pada 20 hingga 24 Mei 2024 di UPSI.

Berikut ialah keputusan Fasa 2 LFIPT
UTHM (3) v UiTM (4)
UTHM (1) v Poli Malaysia (1)
UTHM (1) v KPTM (1)

Pasukan Futsal Lelaki akan beralih fokus kepada persiapan SUKIPT 2024. Fasa 3 LFIPT pula akan bersambung pada Oktober 2024 dengan berbaki 3 perlawanan.



VARSITY TRACK AND FIELD CHAMPIONSHIP (SIRKIT 2) 2024

KOMPLEKS SUKAN KLUANG | 24-26 Mei 2024 | Pasukan Olahraga UTHM telah menyertai Varsity Track and Field Championship (Sirkit 2) 2024 bertempat di Kompleks Sukan Kluang. Pasukan Olahraga telah menunjukkan prestasi yang membanggakan dengan memperoleh 1 pingat emas dan 2 pingat gangsa.

Atlet Olahraga UTHM, Saudara Muhammad Izzat Mirza Bin Mohd Yusof (FKEE) telah berjaya memecahkan rekod UTHM menerusi acara 10000 meter (Lelaki) dan 3000 Meter Berhalangan (Lelaki) sementara Vianeybanu Junin (FPTP) juga berjaya memecahkan rekod UTHM menerusi acara 100 Meter Lari Berpagar, Heptathlon dan lompat tinggi (wanita). Tahniah diucapkan! Berikut adalah senarai pemenang serta pemecah rekod UTHM



100 Meter Lari Berpagar
- Vianeybanu Junin (FPTP) - Emas

Lombol Bergalah (Lelaki)
- Muhammad Zuhairi Bin Zainurin (FPTV) - Gangsa

Heptathlon
- Vianeybanu Junin (FPTP) - Pingat Gangsa (4)
- Nurul Athilah Iwana Mohd Hisam (FPTV) - Gangsa (5)

REKOD BAHARU UTHM

10000 Meter (Lelaki)

- Catatan masa baru : 38:00.13 minit
- Muhammad Izzat Mirza Bin Mohd Yusof (FKEE)
- Catatan masa lama : 38:23.40 minit
- Muhammad Izzat Mirza Bin Mohd Yusof (FKEE)

3000 Meter Berhalangan (Lelaki)

- Catatan masa baru : 11:21.91 minit
- Muhammad Izzat Mirza Bin Mohd Yusof (FKEE)
- Catatan masa lama : 11:24.80 minit
- Richmond Chris Ho Chee Leong (FTK)

100 Meter Lari Berpagar

- Catatan masa baru : 17.06 saat
- Vianeybanu Junin (FPTP)
- Catatan masa lama : 19.61 saat
- Nurul Athilah Iwana binti Mohd Hisam (PPD)

Heptathlon

- Catatan masa baru : 2658 mata
- Vianeybanu Junin (FPTP)
- Catatan masa lama : 2212 mata
- Nurul Athilah Iwana binti Mohd Hisam (PPD)

Lompat Tinggi (Wanita)

- Catatan masa baru : 1.40 meter
- Vianeybanu Junin (FPTP)
- Catatan masa lama : 1.35 meter
- Chow Pooi Teng (FKAAS)



KEJOHANAN RAGBI PRA SUKMA

STADIUM HANG TUAH, MELAKA | 25-26 Mei 2024 | Tahniah diucapkan kepada Pasukan Ragbi Wanita Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) atas pencapaian mereka di Kejohanan Ragbi PRA SUKMA yang telah berlangsung di Stadium Hang Tuah, Melaka, pada 25-26 Mei 2024. Mendapat tempat ke-4 di kejohanan ini merupakan satu pencapaian yang amat membanggakan dan membuktikan kehebatan, dedikasi, dan kerja keras pasukan kita.

Kejayaan di Melaka ini adalah langkah penting ke arah mencapai kejayaan yang lebih besar di masa hadapan. Semoga pencapaian ini menjadi inspirasi dan motivasi kepada semua atlet UTHM untuk terus berusaha gigih dan berjuang demi mengharumkan nama universiti kita di persada sukan.



MAJLIS PELANCARAN SUKAN ANTARA KOLEJ KEDIAMAN (SUKOL) UTHM 2024

UTHM | 20 Mei 2024 | Telah berlangsungnya Majlis Pelancaran Sukan Antara Kolej Kediaman (SUKOL) UTHM 2024 bertempat di Big Stage Aras 2, Perpustakaan Tunku Tun Aminah. Majlis telah disempurnakan oleh YBrs. Sr. Dr. Anuar bin Mohd Salleh, Menjalankan Tugas Pengarah Pusat Sukan Universiti, UTHM. SUKOL 2024 akan berlangsung selama 2 hari iaitu pada 31 Mei - 1 Jun 2024.



VARSITY SEPAK TAKRAW LEAGUE SIRKIT 2 2024

UMPSA, PAHANG | 28-31 Mei 2024 | Tahniah diucapkan kepada Pasukan Sepak Takraw Lelaki UTHM A (Bereg) atas kejayaan mendapat tempat ke 3 dalam kejohanan Varsity Sepak Takraw League Sirkit 2 2024 yang telah berlangsung selama 4 hari hari iaitu bermula 28 hingga 31 Mei 2024 bertempat di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA). Pasukan Beregu UTHM A berjaya menumpaskan pasukan UPM B dengan mata 2-0.

Kejayaan ini adalah langkah penting ke arah mencapai kejayaan yang lebih besar di masa hadapan. Semoga pencapaian ini menjadi inspirasi dan motivasi kepada semua atlet UTHM untuk terus berusaha gigih dan berjuang demi mengharumkan nama universiti kita di persada sukan



KEJOHANAN RAGBI PRA SUKMA

STADIUM HANG TUAH, MELAKA | 25-26 Mei 2024 | Tahniah diucapkan kepada Sdr. Ameer Faresy bin Zuhaili daripada Pusat Pengajian Diploma (PPD) kerana telah mewakili Pasukan Ragbi Negeri Melaka bagi Kejohanan Ragbi Pra SUKMA bertempat di Stadium Hang Tuah, Melaka pada 25 hingga 26 Mei 2024.

Pasukan Ragbi Negeri Melaka telah berjaya menamatkan saingan di tempat keempat keseluruhan. Saudara Ameer Faresy juga dalam persiapan menghadapi temasya SUKMA 2024 bertempat di Sarawak pada bulan Ogos nanti. Tahniah!



PASUKAN KABBADI LELAKI UTHM RANGKUL KEJUARAAN KE-12 DI USM

USM, PULAU PINANG | 1 Jun 2024 | Pasukan Kabaddi UTHM telah menyertai Kejohanan Kabaddi Intervarsiti ‘KALAM 4.0’ Universiti Sains Malaysia (USM) 2024 pada 1 Jun 2024 bertempat di Dewan Minden, Universiti Sains Malaysia (USM). Pasukan Kabaddi Lelaki telah berjaya menjulang piala kejohanan sebagai Johan bagi kejohanan kali ini. Manakala Pasukan Kabaddi Perempuan telah menamat perlawanan dalam peringkat kumpulan bagi kejohanan ini. Selain itu, dua atlet bagi pasukan UTHM telah dipilih sebagai :

Pemain Terbaik
Navin A/L Kannan (FKMP)

Pertahanan Terbaik
Pavin Pillai A/L Sathasivam Pillai (FKMP)

Kejayaan ini merupakan Johan kali ke-12 bagi Pasukan Kabaddi Lelaki dalam kejohanan kabaddi intervarsiti.



PERHIMPUNAN KECERGASAN UTHM BIL.3/2024

UTHM | 28 Mei 2024 | Pusat Sukan Universiti dengan kerjasama Pusat Kepimpinan dan Kompetensi telah mengadakan Perhimpunan Kecergasan UTHM Bil.3/2024 (Fun Walk). Acara yang dinanti-nantikan ini telah berlangsung dengan penuh meriah, di mana para peserta berjalan sejauh 4.5 km mengejelinci kampus Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Kami ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan Perhimpunan Kecergasan UTHM Bil.3/2024 ini. Semoga usaha murni ini dapat diteruskan pada masa akan datang, dan dapat menjadi inspirasi kepada semua untuk terus mengamalkan gaya hidup sihat dan aktif.



KEPUTUSAN KEJOHANAN TERENGGANU INDOOR ROWING CHAMPIONSHIP | KUALA TERENGGANU

UTHM | 1 Jun 2024 | Tahniah diucapkan kepada Pasukan Mendayung UTHM yang telah berjaya merangkul 16 Emas, 7 Perak dan 4 Gangsa di kejohanan Terengganu Indoor Rowing Championship bertempat di Kuala Terengganu pada 1 Jun 2024. Berikut adalah keputusan penuh pencapaian Pasukan Mendayung UTHM :

500m Lightweight single U23

(MEN)

1) CHAN YU XUAN (FKEE) – Emas

2) AHMAD FAIZ ZUHAIREE BIN AHMAD FAKHRUL-DIN (PPD) - Perak

(WOMEN)

1) NUR AQILAH BINTI BAHARUDDIN (FAST) - Emas

2) NURUL AMIRA BINTI NORHADI (FTK) - Perak

3) MARINA NUR HIDAYAH BINTI MOHAMMAD HAZLI (PPD) - Gangsa

2000m Lightweight single U23

(MEN)

1) CHAN YU XUAN (FKEE) - Emas

2) AHMAD FAIZ ZUHAIREE BIN AHMAD FAKHRUL-DIN (PPD) - Perak

(WOMEN)

1) NURUL AMIRA BINTI NORHADI (FTK) - Emas

2) NUR AQILAH BINTI BAHARUDDIN (FAST) - Perak

3) MARINA NUR HIDAYAH BINTI MOHAMMAD HAZLI (PPD) - Gangsa

500m single U23

(MEN)

1) LEROY YIP WAI LUN (FKMP) - Emas

2) MUHAMMAD HAFIZUDDIN BIN MOHD HANIZAM (FTK) - Perak

(WOMEN)

1) TEE YEN SHIN (FKAAB) - Emas

2000m single U23

(MEN)

1) LEROY YIP WAI LUN (FKMP) - Emas

(WOMEN)

1) TEE YEN SHIN (FKAAB) - Emas

500m Lightweight single 24-29

(WOMEN)

1) NURZARINAH BINTI ZAKARIA (FSKTM) - Emas

2) NUR DINIE IZZATI BINTI ABD RAHMAN (FKMP) - Perak

2000m Lightweight single 24-29

(WOMEN)

1) NURZARINAH BINTI ZAKARIA (FSKTM) - Emas

2) NUR DINIE IZZATI BINTI ABD RAHMAN (FKMP) - Perak

500m single 24-29

(MEN)

1) SHEIKH AHMAD SAFWAN BIN SHAikh SABRI (FKMP) - Emas

2000m single 24-29

(MEN)

1) SHEIKH AHMAD SAFWAN BIN SHAikh SABRI (FKMP) - Emas

500m lightweight single 30-39

(WOMEN)

1) NUR AFIQAH ZAMIA BINTI SUMERI (FPTV) - Emas

2000m lightweight single 30-39

(WOMEN)

1) NUR AFIQAH ZAMIA BINTI SUMERI (FPTV) – Emas

4X500m U23

(MEN) - Emas

AHMAD FAIZ ZUHAIREE BIN AHMAD FAKHRUL-DIN (PPD) -

NABIL HAKIMI BIN BADRUL HISHAM (FKEE)

MUHAMMAD HAFIZUDDIN BIN MOHD HANIZAM (FTK)

MUHAMMAD AZFAR NABIL BIN ZAHRI (FKEE)

(WOMEN) - Emas

NUR AQILAH BINTI BAHARUDDIN (FAST)

MARINA NUR HIDAYAH BINTI MOHAMMAD HAZLI (PPD)

NUR QISTINA WARDINA BINTI MOHD NIZAL (PPD)

WOON JIA WEN (FAST)

4X500m 24-29

(MEN) - Emas

LEROY YIP WAI LUN (FKMP)

CHAN YU XUAN (FKEE)

MUHAMMAD NUR IMAN BIN MOHAMAD YUSOF (FTK)

SHEIKH AHMAD SAFWAN BIN SHAikh SABRI (FKMP)

(WOMEN) - Emas

NURZARINAH BINTI ZAKARIA (FSKTM)

NUR DINIE IZZATI BINTI ABD RAHMAN (FKMP)

NURUL AMIRA BINTI NORHADI (FTK)

TEE YEN SHIN (FKAAB)

Staf & Alumni UTHM
500m lightweight single 24-29
(MEN)
MOHD ARIF ASHRAF BIN MOHD RUSOK - Emas

2000m lightweight single 24-29
(MEN)
MOHD ARIF ASHRAF BIN MOHD RUSOK - Emas

500m single 30-39
(MEN)
Dr. MOHD ZULFADHLI BIN ROZALI - Emas

2000m single 30-39
(MEN)
Dr. MOHD ZULFADHLI BIN ROZALI - Emas

4X500m 30-39
(MEN) - Perak
Dr. MOHD ZULFADHLI BIN ROZALI
MOHD AIZAT BIN MD ZAINI
MUHAMED RIDHWAN BIN YAACOB



JOHOR FUTSAL INVITATION CHAMPIONSHIP (JFIC)

PASIR GUDANG | 5-9 Jun 2024 | Pasukan Futsal Lelaki UTHM telah menyertai Johor Futsal Invitation Championship (JFIC) sebagai Kejohanan pendedahan peringkat kebangsaan.

JFIC 2024 telah dianjurkan oleh Persatuan Bolasepak Negeri Johor (PBNJ) dengan kerjasama JDT FC Sdn Bhd dan Majlis Bandaraya Pasir Gudang. Turut disokong penuh oleh Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) dan juga Majlis Sukan Negeri Johor (MSN).

JFIC 2024 merupakan persiapan kepada pasukan yang akan menyertai Sukan Malaysia (SUKMA) di Sarawak pada Ogos.

Berikut adalah keputusan yang melibatkan pasukan UTHM

UTHM (1) v SABAH (3)

UTHM (1) v PULAU PINANG (2)

UTHM (3) v KUALA LUMPUR (1)



SUKOL 2024 MELABUH TIRAI

UTHM | 31 Mei - 1 Jun 2024 | Kolej Kediaman Kampus Pagoh (KKKP) berjaya meraih gelaran ‘Juara Keseluruhan’ Kejohanan Sukan Antara Kolej Kediaman (SUKOL) yang berlangsung pada 31 Mei hingga 01 Jun 2024 lalu dengan kutipan 14 pingat emas, sembilan perak dan 12 gangsa Manakala tempat kedua pula dimenangi oleh Kolej Kediaman Dalam Kampus (KKDK) dengan kutipan 13 pingat emas, 10 perak dan 12 gangsa. Sementara itu, Kolej Kediaman Luar Kampus (KKLK) pula berjaya memenangi tempat ketiga kejohanan dengan 10 pingat emas, 18 perak dan 13 gangsa.

PSU mewakili UTHM mengucapkan tahniah kepada semua pemenang dan berharap penganjuran pertandingan sukan dalaman seperti itu dapat diteruskan seiring dengan tujuan menggilap potensi dan bakat baharu dalam arena sukan, selain memupuk budaya bersukan dalam kalangan warga universiti.

INTERNATIONAL NS PREMIER 7S CATEGORY PRA SUKMA

NEGERI SEMBILAN | 8-9 Jun 2024 | Tahniah diucapkan kepada Sdr. Ameer Faresy daripada Pusat Pengajian Diploma yang telah mewakili pasukan Ragbi Melaka ke kejohanan International NS Premier 7s category Pra Sukma yang telah berlangsung pada 8-9 Jun 2024 bertempat di Padang MBS Seremban. Pasukan Ragbi Melaka telah berjaya mendapat Johan Plate (Tempat ke 3 keseluruhan).

Kejayaan ini adalah langkah penting ke arah mencapai kejayaan yang lebih besar di masa hadapan. Semoga pencapaian ini menjadi inspirasi dan motivasi kepada semua atlet UTHM untuk terus berusaha gigih dan berjuang demi mengharumkan nama universiti kita di persada sukan



SUKAN RAKET UTHM 2024

UTHM | 8 - 9 Jun 2024 | Sukan Raket UTHM 2024 pertama kali dianjurkan oleh Pusat Sukan Universiti dengan kerjasama Pasukan Tenis, Pasukan Ping Pong dan Pasukan Badminton UTHM. Program ini bertujuan untuk menggalakkan pelajar UTHM giat aktif dalam bidang sukan serta salah satu platform pencarian bakat untuk persediaan pasukan dalam penyertaan sukan utama seperti MASUM, SUKIPT ataupun Kejohanan Utama IPT. Sukan Tenis diadakan secara terbuka manakala sukan ping pong dan badminton diadakan secara tertutup UTHM untuk memberikan peluang kepada pelajar UTHM menonjolkan bakat.

Majlis Penutupan Sukan Raket UTHM 2024 disempurnakan oleh Sr. Dr. Anuar bin Mohd Salleh, Menjalankan Tugas Pengarah, Pusat Sukan Universiti serta diiringi oleh Saudara Muhammad Luqman Azim bin Mohd Ayob, Pengarah Program Sukan Raket UTHM 2024



JOHOR FUTSAL INVITATION CHAMPIONSHIP (JFIC)

UiTM SEGAMAT | 8 Jun 2024 | Pasukan Futsal Wanita UTHM telah menghantar dua wakil iaitu UTHM A dan UTHM B ke kejohanan Annual Sports Festival (ASF) anjuran Jawatankuasa Sukan Pelajar UiTM Johor Cawangan Segamat yang bertempat di UiTM Segamat pada 8 Jun 2024. Kejohanan ini dijalankan secara liga. Pasukan futsal UTHM wanita berjaya menempatkan diri di tempat pertama dan tempat kedua di pertandingan tersebut. UTHM A dinobatkan sebagai Juara kerana kelebihan jaringan goal berbanding UTHM B. Berikut merupakan keputusan setiap perlawanan tersebut:

Slebew vs UTHM A - 0-3
UTHM B vs S. Strikers - 4-0
UTHM A vs UTHM B - 1-1
Slebew vs UTHM B - 0-2
S. Strikers vs UTHM A - 1-11

UTHM A - 7 mata
UTHM B - 7 mata
S. Strikers - 1 mata
Slebew - 0 mata



2 ATLET FUTSAL UTHM BAKAL BERAKSI DI MPFL DIV 2

UTHM | 18 Jun 2024 | Selamat Maju Jaya kepada dua orang atlet futsal UTHM, Muhamad Arif Roslan dari Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV) dan Norharis Muzammil dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE), yang akan mewakili Malaysian University dalam Kejohanan Malaysia Premier Futsal League (MPFL) Divisyen 2.

Kejohanan ini akan berlangsung secara sirkit di Sportizza Setapak, melibatkan 12 pasukan kelab dan negeri, bermula pada 22 dan 23 Jun 2024. Semoga berdua berjaya menunjukkan prestasi cemerlang dan membawa kejayaan kepada pasukan.

UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

SEMOGA BERJAYA

MUHAMAD ARIF ROSLAN (FPTV)
NORHARIS MUZAMMIL (FKEE)

kerana terpilih mewakili PASUKAN MALAYSIAN UNIVERSITY ke
KEJOHANAN MALAYSIA PREMIER FUTSAL LEAGUE (MPFL) DIVISYEN 2

22 - 23 JUN 2024

SPORTIZZA SETAPAK, KUALA LUMPUR

X

Trustworthy · Professional · Innovative

PUSAT SUKAN UNIVERSITI

STAR RATING SYSTEM Excellent

UTHM JUNIOR | UTHM TV

PERJUMPAAN PENGARAH PSU BERSAMA PROVOST

UTHM PAGOH | 19 Jun 2024 | Pusat Sukan Universiti telah mengadakan perjumpaan bersama YBrs. Prof Madya Dr. Afandi bin Ahmad, Provost UTHM Cawangan Kampus Pagoh untuk membincangkan hala tuju pembangunan sukan di Pagoh.


Perbincangan ini merupakan langkah strategik untuk memperkuatkan infrastruktur sukan dan meningkatkan pengalaman sukan untuk pelajar dan komuniti di sini.



PERHIMPUNAN KECERGASAN UTHM BIL. 4 BERSEMPENA KARNIVAL KESIHATAN UTHM 2024

UTHM | 19 Jun 2024 | Pusat Sukan Universiti dengan kerjasama Pusat Kepimpinan dan Kompetensi telah mengadakan Program Perhimpunan Kecergasan UTHM Bil. 4 bersempena Karnival Kesihatan UTHM 2024. Acara yang penuh semangat ini berlangsung dengan meriah di Dataran Tabik Hormat, Dewan Sultan Ibrahim (DSI).

Kerjasama antara pelbagai pusat dalam universiti ini menunjukkan komitmen UTHM dalam memperkuatkan aspek kesihatan dan kepimpinan di kalangan pelajar dan staf universiti. Terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dan para peserta yang telah menyertai serta memeriahkan acara ini.



BENGKEL TRAINING METHODOLOGY ATLET SUKUM 2024

UTHM | 20 Jun 2024 | Pusat Sukan Universiti telah mengadakan Bengkel Training Methodology Atlet SUKUM 2024. Bengkel ini adalah salah satu persiapan bagi atlet staf UTHM bagi menghadapi Kejohanan Sukan Staf Universiti Malaysia (SUKUM) yang akan berlangsung pada Ogos 2024 bertempat di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Bengkel ini telah dihadiri oleh atlet & pengurus pasukan dan sesi perkongsian ilmu ini telah disampaikan oleh Encik Muhammad Nur Afiq bin Johari (Pejabat Pendaftar). Semoga para atlet dan pengurus pasukan dapat menimba ilmu baru seterusnya dapat mempraktikkan dalam latihan pasukan.



MAJLIS PENYERAHAN JALUR GEMILANG KONTINJEN IPT MALAYSIA KE SUKAN UNIVERSITI ASEAN 2024

PUTRAJAYA | 20 Jun 2024 | Telah berlangsungnya Majlis Penyerahan Jalur Gemilang Kontinjen IPT Malaysia ke Sukan Universiti ASEAN (AUG) 2024. Kejohanan ini akan berlangsung di Surabaya dan Malang, Indonesia bermula 25 Jun hingga 6 Julai 2024.

Seramai empat orang atlet UTHM telah terpilih bagi memperkuatkan lagi pasukan kebangsaan. Atlet tersebut adalah Norharis Muzammil Bin Norhanan (FKEE) dan Muhammad Arif Bin Roslan (FPTV) acara Futsal Lelaki manakala Nur Hanisah Binti Zulkifli (PPD) dan Muhammad Fadhilah Izhar Bin Tajudin (FPTV) acara Pencak Silat.

Selamat Maju Jaya diucapkan kepada semua atlet dan pasukan bertanding. Semoga berjaya membawa pulang kejayaan buat skuad negara.



SUKAN BANGSA JOHOR DUN PARIT YAANI 2024

BATU PAHAT | 15 Jun 2024 | Tahniah diucapkan kepada Pasukan Sepak Takraw UTHM kerana berjaya dinobat selaku Johan Acara Sepak Takraw Sukan Bangsa Johor DUN Parit Yaani 2024 yang telah berlangsung pada 15 Jun 2024.

Pengurus Pasukan: Abdul Hadi bin Mohamed Zainal (Staf PKK)
Jurulatih : Mohd Hazrin Bin Abd Rahman (Staf PSU)

Pemain:

- 1.Mohd Sufian bin Md. Nor (Staf PPUK)
- 2.Mohammad Shahril bin Abdullah Sani (Staf KKDK)
- 3.Abdul Malik Al Farhan bin Ismail (Pelajar FPTV)
- 4.Fahmie bin Shafie (Alumni UTHM)
- 5.Mohd Hatta bin Salleh (Pemain Jemputan)



LIGA SUKAN KOMUNITI BATU PAHAT

BATU PAHAT | 22 Jun 2024 | Tahniah diucapkan kepada Sdr. Abdul Malik Al Farhan daripada Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional (FPTV) dan Muhamad Muammar dari Fakulti Kejuruteraan Awam Dan Alam Bina (FKAAB) yang telah mewakili pasukan campuran staf dan pelajar Sepak Takraw UTHM ke Liga Sukan Komuniti Batu Pahat yang telah berlangsung pada 22 Jun 2024 bertempat di Dewan Taman Suria Ayer Hitam. Pasukan UTHM telah berjaya mendapat Naib Johan dalam kejohanan tersebut

Kejayaan ini adalah langkah penting ke arah mencapai kejayaan yang lebih besar di masa hadapan. Kejayaan ini juga menambah semangat atlet untuk mengharungi SUKIPT yang bakal berlangsung pada bulan September nanti. Semoga pencapaian ini menjadi inspirasi dan motivasi kepada semua atlet UTHM untuk terus berusaha gigih dan berjuang demi mengharumkan nama universiti kita di persada sukan



[CMC] FESTIVAL CATUR JUN 2024

JENGKA, PAHANG | 22-23 Jun 2024 | Pasukan Catur UTHM telah menyertai kejohanan [CMC] Festival Catur Jun 2024 yang telah berlangsung pada 22 dan 23 Jun 2024 bertempat di Mydin Mall Jengka, Pahang. Pasukan Catur UTHM telah menghantar 7 orang atlet untuk kategori individu terbuka dan telah berjaya mendapat tempat ke 3, ke 4 dan ke-13 daripada 80 orang bertanding. Untuk kategori berpasukan trio terbuka pula, pasukan catur uthm telah menghantar 2 pasukan dan telah berjaya mendapat tempat ke 9 dan ke 10 daripada 34 pasukan bertanding.

Berikut adalah senarai pemenang Pasukan Catur UTHM :

Kategori Individu :

Tempat Ke 3

Mohammad Yusri bin Adjmain (FTK)

Tempat Ke 4

Mohd Hamizan Bin Abdullah (FPTV)

Tempat Ke 13

Muhammad Aliff Zuhairi Bin Ariffin (FKEE)

Kategori Berpasukan Trio Terbuka:

Tempat Ke 9

Pasukan: UTHM A

- 1.Mohd Hamizan Bin Abdullah (FPTV)
- 2.Mohammad Yusri bin Adjmain (FTK)
- 3.Muhammad Aliff Zuhairi Bin Ariffin (FKEE)

Tempat Ke 10

Pasukan: UTHM B

- 1.Wong Huey Yuen Jane (FPTV)
- 2.Nursyahzanani Fitri Binti Mohd Sahran (FSKTM)
- 3.Muhammad Abdul Azim bin Sukri (FKEE)

Semoga pencapaian ini menjadi inspirasi dan motivasi kepada semua atlet UTHM untuk terus berusaha gigih dan berjuang demi mengharumkan nama universiti kita di persada sukan



2024 SEARF ROWING SENIOR, U23 AND U19 CHAMPIONSHIPS

HAIPHONG, VIETNAM | 24-30 JUN 2024 | PASUKAN MENDAYUNG PST-KPT UTHM TELAH MENYERTAI 2024 SEARF ROWING SENIOR, U23 AND U19 CHAMPIONSHIPS DI HAIPHONG, VIETNAM PADA 24 JUN HINGGA 30 JUN 2024.

Pasukan Mendayung PST-KPT UTHM telah menghantar seramai 9 orang atlet yang terdiri daripada 8 atlet UTHM dan 1 atlet alumni UTHM. Mereka juga telah berjaya membawa pulang 1 pingat emas, 1 pingat perak dan 4 pingat gangsa. Tahniah diucapkan!

Berikut adalah keputusan kejohanan:

1. Acara BLW4- (Pingat Emas)

- Nurul Amira binti Norhadi (FTK)
- Nur Afiqah Zamia (FPTV)
- Nurzarinah binti Zakaria (FSKTM)
- Tee Yen Shin (FKAAB)

2. Acara M4- (Pingat Perak)

- Chan Yu Xuan (FKEE)
- Mohd Arif Ashraf bin Rusok (Alumni UTHM)
- Ahmad Faiz Zuhairee bin Ahmad Fakhrul-Din (PPD)
- Muhammad Nur Iman bin Mohamad Yusof (FTK)

3. Acara LM2- (Pingat Gangsa)

- Chan Yu Xuan (FKEE)
- Mohd Arif Ashraf bin Rusok (Alumni UTHM)

4. Acara BLM4- (Pingat Gangsa)

- Chan Yu Xuan (FKEE)
- Mohd Arif Ashraf bin Rusok (Alumni UTHM)
- Azman Hakeem bin Sharudin (KV)
- Muhammad Farish Saifullah bin Noraffendi (KV)

5. Acara LW4X (Pingat Gangsa)

- Nurul Amira binti Norhadi (FTK)
- Nur Afiqah Zamia (FPTV)
- Nurzarinah binti Zakaria (FSKTM)
- Nur Dinie Izzati binti Abd Rahman (FKMP)

6. Acara M2- (Pingat Gangsa)

- Ahmad Faiz Zuhairee bin Ahmad Fakhrul-Din (PPD)
- Muhammad Nur Iman bin Mohamad Yusof (FTK)



KEJOHANAN BERBASIKAL ELIT TERBUKA KEDAH 2024

UUM, SINTOK | 20-23 Jun 2024 | Berikut adalah keputusan pasukan Berbasikal UTHM di Kejohanan Berbasikal Elit Terbuka Kedah 2024 yang telah berlangsung pada 20-23 Jun 2024 bertempat di UUM, Sintok Kedah :

Result Criterium Men u23

Rank:

- 38/47 Khairul Edem bin Mohd Affenddi
- 40/47 Ahmad Irsyaduddin bin Ibrahim
- 41/47 Muhammad Luqman bin Zulkarnain
- 42/47 Ummar Addin bin Mazlan



Result Criterium Men Elite

Rank:

- 28/42 Muhammad Iz Irfan bin Md Daud
- 33/42 Mohammad Norsyamir bin Samandi Marguna

Result Road Race Men u23

Elevation 1300++

Rank :

- 30/47 Muhammad Luqman bin Zulkarnain
- 32/47 Ummar Addin bin Mazlan
- 33/47 Ahmad Irsyaduddin bin Ibrahim
- 34/47 Khairul Edem bin Mohd Affenddi




Result Road Race Men Elite

Elevation 1300++

Rank :

- 24/42 Muhammad Iz Irfan bin Md Daud
- 26/42 Mohammad Norsyamir bin Samandi Marguna



KEJOHANAN BOLA TAMPAK TERBUKA LELAKI UPM 2024

SHAH ALAM | 22-23 Jun 2024 | Pasukan Bola Tampar Lelaki UTHM telah menyertai Kejohanan Bola Tampar Lelaki Terbuka UPM 2024 bertempat di Dewan MBSA, Sekyen 19, Shah Alam, Selangor bermula pada 22 Jun hingga 23 Jun 2024.

Pasukan Bola Tampar Lelaki UTHM telah berjaya menamatkan saingen di pusingan 16. Kejohanan ini merupakan salah satu persiapan pasukan bagi menghadapi SUKIPT yang akan berlangsung pada bulan September di UUM. Tahniah dan teruskan usaha!

Peringkat kumpulan :

UTHM (31) : (28) Bomba KL

UTHM (31) : (15) SBKL

UTHM (28) : (31) Senja VC

PUSINGAN 16 :

UTHM (24) : (31) Magic King Kudat



KEM LATIHAN MALAYSIAN UNIVERSITY SILAT TEAM (MUST) FASA 2 & 3

BATU PAHAT | 20-28 Jun 2024 | Seramai 20 atlet silat terbaik IPT menghadiri Kem Latihan Malaysian University Silat Team (MUST) Fasa 2 & 3, 2024 anjuran Pusat Sukan Tumpuan (PST) Silat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)-Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang telah berlangsung di Kompleks Sukan SUKSES, Majlis Sukan Negeri (MSN) Selangor sebagai persiapan akhir pasukan sebelum menghadapi ASEAN University Games (AUG) Surabaya-Malang, Indonesia pada 1 hingga 6 Julai 2024.





Diterbitkan oleh :

**BAHAGIAN PENGURUSAN STRATEGIK & KORPORAT
PUSAT SUKAN UNIVERSITI
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

86400, Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia.

Tel.: 07 - 4537449

Fax: 07 - 4536581